

FOTO: ABDULLAH YUSOF

18 NOV 2016
U.R.D
M.B.P.J.

setempat

9

18-11-2016



MAHDZIR (tengah) beramah mesra dengan pelajar yang mendapat keputusan 6A dalam peperiksaan UPSR di Sekolah Kebangsaan Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh, semalam.

H. metro
18/11/16
ms 9

SEKITAR KEPUTUSAN UPSR

'Usar gusar jumlah A'

■ Pencapaian guna format baru pada tahap boleh membanggakan

KEPUTUSAN UPSR 2016

Jumlah calon:
452,721

Keputusan semua A:
4,896

Negeri	Calon	Semua A
Perak	34,713	363
Pahang	23,351	296
Sabah	43,661	187
Putrajaya	1,726	38
Kedah	33,168	280
Terengganu	20,866	271
Kelantan	29,372	320
Johor	54,678	671
Sarawak	41,380	284
Melaka	13,339	159
Negeri Sembilan	16,617	247
Selangor	87,229	1,025
Pulau Pinang	22,215	399
Kuala Lumpur	20,676	308
Perlis	3,805	45
Labuan	1,277	7

Sungai Buloh

“**I**bu bapa tidak perlu gusar soal jumlah A itu, memang betul A itu sangat baik tetapi secara keseluruhannya format instrumen itu yang berbeza jauh dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) kali ini, jumlah A adalah enam,” kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Sehubungan itu, beliau mahu ibu bapa melihat keputusan peperiksaan UPSR pada tahun ini yang menggunakan format baru secara holistik.

Menurutnya, kaedah kertas peperiksaan tahun ini lebih menjurus kepada pendekatan kreativiti dan aras pemikiran tinggi atau Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berbanding tahun sebelumnya yang memfokuskan kepada soalan beraneka pilihan.

“Pencapaian UPSR yang menggunakan format baru tahun ini menepati stan-

dard kurikulum kebangsaan dan pada tahap yang boleh dibanggakan.

“Kita tidak boleh membandingkan penilaian peperiksaan tahun lalu kerana murid menghadapi enam subjek dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta ada kertas peperiksaan berkaitan kefahaman dan penulisan yang memerlukan asas kemahiran berbanding objektif sebelum ini,” katanya ketika melawat Sekolah Kebangsaan Bukit Rahman Putra sempena pengumuman keputusan UPSR di sini, semalam.

Ketua Pengarah Pelajaran Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof mengumumkan seramai 4,896 atau 1.11 peratus daripada 452,721 murid mendapat keputusan cemerlang Gred A bagi semua mata pelajaran dalam UPSR 2016.

Mahdzir berkata, calon UPSR tahun ini adalah kohort pertama di bawah for-

mat baru pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang juga melengkapi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sejak 2011.

Namun begitu, beliau mahu prestasi dipertingkatkan terutama untuk menguasai mata pelajaran Sains dan Matematik.

Menurutnya, murid menerima empat slip keputusan peperiksaan iaitu Slip Keputusan UPSR, Slip Pentaksiran Sekolah, Slip Pentaksiran Psikometrik dan Slip Pentaksiran Jasmani dan Kurikulum.

Beliau berkata, dari segi jurang pencapaian menunjukkan gred purata di bandar ialah 2.84 peratus manakala luar bandar 3.08 peratus.

Katanya, Lembaga Peperiksaan akan membuat analisis khusus dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris kerana keseluruhan pencapaian subjek itu bagi murid di bandar agak tinggi.



Putrajaya: Kohort pertama yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sejak diperkenalkan pada 2011 menyaksikan 4,896 atau 1.11 peratus calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016 mendapat semua A dalam mata pelajaran.

Sementara, Gred Purata Nasional (GPN) pula merekodkan 2.96 mata.

Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof berkata, pencapaian calon tahun ini berdasarkan pelaksanaan kurikulum dan format peperiksaan baharu tanpa membuat perbandingan calon tahun lalu.

Katanya, pencapaian calon mendapat maksimum 1B ialah 8,345 atau 1.89 peratus, minimum 2B (35,752 atau 8.11 peratus), minimum 1C (91,366 atau 20.73 peratus), minimum 1D (152,825 atau 34.67 peratus), minimum 1E (137,262 atau 31.14 peratus), semua E (9,519 atau 2.16 peratus) dan lain-lain kombinasi (817 atau 0.19 peratus).

Tak boleh banding pencapaian lalu

Beliau berkata, GPN juga tidak boleh dibandingkan secara terus dengan tahun lalu kerana bilangan A tahun ini tidak sama memandangkan tahun lalu laporan berdasarkan tiga gred iaitu A, B dan C untuk mencapai tahap minimum manakala tahun ini empat gred iaitu A, B, C dan D.

“Secara keseluruhannya saya berpuas hati dengan keputusan UPSR tahun ini kerana dalam format baharu ini banyak tambahan soalan dari kategori respon terbuka, terhad dan mengisi tempat kosong bukan setakat menjawab aneka pilihan saja (objektif).

“Daripada analisis ini, didapati bukan aneka pilihan sahaja, tetapi pelbagai kategori

soalan...itu yang penting kerana ini menunjukkan murid mampu menjawab soalan yang memerlukan daya fikiran berbanding menghafal sahaja pada peperiksaan UPSR sebelum ini,” katanya pada majlis Pengumuman Analisis Keputusan UPSR 2016, di sini, semalam.



KHAIR